



14 Oktober 2016
14 October 2016
P.U. (A) 260

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN
KESIHATAN SWASTA (HOSPITAL SWASTA DAN
KEMUDAHAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA LAIN)
(PINDAAN) 2016

*PRIVATE HEALTHCARE FACILITIES AND SERVICES
(PRIVATE HOSPITALS AND OTHER PRIVATE HEALTHCARE
FACILITIES) (AMENDMENT) ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA 1998

PERINTAH KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA
(HOSPITAL SWASTA DAN KEMUDAHAN JAGAAN KESIHATAN
SWASTA LAIN) (PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 106(2) Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) (Pindaan) 2016**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 Oktober 2016.

Pindaan Jadual Ketiga Belas

2. Jadual Ketiga Belas kepada Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006 [*P.U. (A) 138/2006*], dipinda dalam Bahagian A—

(a) dalam catatan 1, dengan memasukkan selepas takrif “kecemasan” takrif yang berikut:

‘ “orang asing” ertinya seseorang yang bukan warganegara Malaysia tetapi tidak termasuk —

(a) seseorang yang bukan warganegara Malaysia yang memegang suatu kad pengenalan yang dikeluarkan di bawah perenggan 5(3)(b) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 [*P.U. (A) 472/1990*];

(b) suami atau isteri yang bukan warganegara Malaysia kepada warganegara Malaysia;

- (c) seseorang yang bukan warganegara Malaysia yang memegang suatu Pas Pekerjaan yang dikeluarkan di bawah subperaturan 9(1) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 [L.N. 228/63];
 - (d) seseorang yang bukan warganegara Malaysia yang memegang suatu Pas Pelajar yang dikeluarkan di bawah subperaturan 13(1) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 [L.N. 228/63];
 - (e) seseorang yang bukan warganegara Malaysia yang memegang suatu Pas Kerja bagi Sabah yang dikeluarkan di bawah subperaturan 16(1) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 [L.N. 228/63];
 - (f) seseorang yang bukan warganegara Malaysia yang memegang suatu Pas Residen yang dikeluarkan di bawah subperaturan 16A(1) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 [L.N. 228/63]; atau
 - (g) seseorang yang bukan warganegara Malaysia yang memegang suatu Pas Lawatan yang dikeluarkan di bawah perenggan 2 Perintah Imigresen (Program Malaysia Rumah Keduaku) (Pengecualian) 2006 [P.U. (A) 277/2006];’;
- (b) dengan menggantikan catatan 2 dengan catatan yang berikut:
- “2. Semua fi dalam Jadual ini adalah fi maksimum yang boleh dikenakan melainkan jika dinyatakan selainnya.”; dan